

# **PERSPEKTIF AL-SUNNAH TERHADAP PEMBERIAN GAJI DAN IMBUHAN KEPADA GURU DAN PENCERAMAH AGAMA: SUATU HURAIAN DESKRIPTIF**

*(THE PERSPECTIVE OF AL-SUNNAH TOWARDS CONTRIBUTION OF SALARY AND  
REMUNERATION TO RELIGIOUS TEACHERS AND PREACHERS :  
A DESCRIPTIVE ELABORATION)*

Azhar bin Abdul Wahab  
artjaha@gmail.com.  
Institut Pendidikan Guru Kampus Sarawak

Prof. Madya Dr. Ishak Suliaman  
Universiti Malaya

## Abstrak

Artikel ini membincangkan tentang satu isu sosio agama iaitu bayaran kepada guru-guru agama dan penceramah agama dari perspektif al-Sunnah. Hadith-hadith yang membicarakan tentang pemberian bayaran kepada penceramah agama boleh dibahagikan kepada dua kategori iaitu pemberian dalam bentuk gaji tetap dan juga dalam bentuk imbuhan saguhati. Perbezaan istilah yang digunakan dan juga sumber pemberian samaada dari kerajaan atau intitusi selain kerajaan mempunyai implikasi yang berbeza dari sudut penentuan hukum harus atau haram. Hadith-hadith yang membicarakan tentang al-Ujrah (bayaran upah) dalam bidang pengajaran agama mempunyai dua kesimpulan yang berbeza. Sebahagian hadith melarang penerimaan sebarang bayaran dan sebahagian hadith yang lain membolehkannya. Status hadith-hadith ini juga berbeza dari sudut sahih atau tidak yang menyebabkan perbezaan tafsiran ulama dalam isu pemberian imbuhan ini. Objektif kajian ini ialah mengupas dan menjelaskan hukum penceramah agama menerima gaji dan imbuhan saguhati disamping menganalisis faktor keharusan dan tegahan menerima bayaran tersebut. Sumber al-Sunnah yang dikaji adalah hadith-hadith berkaitan al-Ujrah dari enam buah kitab hadith yang dikenali sebagai ‘Kutub Sittah’ iaitu Sahīh al- Bukhari, Sahīh Muslim, Sunan Ibn Majah, Sunan al- Tirmidhī, Sunan Abī Dāwud dan Sunan al- Nasā’ī . Namun ,penulis juga mengupas hadith-hadith yang diriwayatkan dalam kitab-kitab hadith selain kutub sittah sebagai sokongan kepada isu kajian.

**Kata kunci:** *Perspektif : Al-Sunnah : Gaji : Sumbangan : Guru agama :Penceramah agama*

### Abstract

This article discusses on the socio-religious issues that is related to the payment of wages for religious teacher and preacher from the perspective of as-Sunnah. Hadiths that discuss about giving consolation towards religious speakers can be divided into two categories, namely the grant in the form of fixed salary and remuneration in the form of consolation. The difference of the terms used and whether the provision of resources from the government or non-government institutions have different implications from the point of law, whether it could be considered as a should or illegal. The hadiths that explain about Al-Ujrah (payment of wages) in the religious field have two different conclusions. Some hadith prohibits the acceptance of any payments and some other allow for it. These Hadiths status are also different in term of validity making the difference of interpretation among scholars in this issue of remuneration. The objective of the study is to analyze and explain the law of religious speakers accepting wages and remuneration in addition to analyzing the factors consolation must and prohibition of receiving the payment. The as-Sunnah source that was reviewed are the hadiths that are related to Al-Ujrah from 6 different books that are known as 'kutub Sittah' that are Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Sunan Ibn Majah, Sunan al-Tirmidhi, Sunan Abi Dawud dan Sunan al-Nasa'i. However, the author also investigated hadiths that are narrated from other sources as a support to the issue discussed.

**Key words:** *Perspective: Al-Sunnah: Wages : Remuneration: Religious Teacher : Preacher*

2017 GBSE Journal

## PENDAHULUAN

Pemberian gaji dan sumbangan kepada guru dan penceramah agama merupakan antara isu-isu dalam bidang sosio agama. Isu ini sebenarnya mempunyai dasar hukum melalui hadith-hadith dari Kutub al-Sittah yang boleh dikumpulkan dibawah satu tema *al-Ujrah fi al-Qurubat*. Para fuqaha berbeza pandangan mengenai isu pemberian upah atau imbuhan ini. Justeru, Huraian ini akan mengupas hukum menerima imbuhan mengajar ilmu-ilmu agama (الاجرة علي تعليم العلوم الشرعية) dalam bentuk gaji atau sumbangan saguhati.

## SUMBER PEMBERIAN IMBUHAN

Untuk mengupas persoalan ini, perkara yang perlu dilihat adalah sumber pemberian imbuhan tersebut. Ini kerana berdasarkan fatwa jumhur ulama, terdapat perbezaan antara imbuhan yang diberikan oleh kerajaan dari Baitul Mal dengan imbuhan yang diberikan oleh individu atau institusi bukan kerajaan. Perbezaan dari sudut sumber yang memberikan imbuhan ini membawa kepada beberapa implikasi lain termasuk dari sudut hukum menerima imbuhan tersebut.

## 1. Imbuhan Yang Diberikan Oleh Kerajaan Dari Baitul Mal

Imbuhan dari kerajaan dikategorikan sebagai gaji dari pemerintah. Pada zaman awal khilafah Islam, terdapat istilah khusus yang digunakan bagi merujuk kepada gaji iaitu istilah “rezeki”. Istilah rezeki lebih khusus dari istilah ujah. Menurut Imam al-Nawawi (1991), rezeki adalah gaji yang diberikan oleh kerajaan secara tetap dan berkala. Pada peringkat awal pembentukan khilafah Islam, rezeki atau “gaji” diberi secara tahunan, tetapi apabila pihak pemerintah melihat keperluan membuat pembayaran mengikut tempoh lain seperti mingguan atau bulanan, maka mereka akan berbuat demikian<sup>1</sup>. Menurut Imam al-Qurafi (2001), para hakim boleh mengambil imbuhan yang diberikan oleh pemerintah atas nama “rezeki”. Imbuhan ini diambil dari baitul mal dan diberikan kepada hakim kerana tugas-tugas mereka mengendalikan kes-kes di mahkamah. Peruntukan ini sememangnya wujud dan diberikan oleh Rasulullah S.A.W kepada para sahabat yang mempunyai tugas khusus dan tetap. Berbeza dengan pemberian daripada individu atau institusi selain kerajaan, pemberian ini diistilahkan sebagai i’wad “عوض” atau imbuhan yang tidak boleh diterima oleh hakim.

Dari sudut bahasa, istilah rezeki mempunyai makna yang seerti dengan *ratib* (رَاتِبٌ), iaitu istilah kontemporari yang digunakan secara meluas merujuk kepada gaji seorang pekerja. Menurut Adil Shahin (2004), soalan tentang gaji seseorang boleh menggunakan istilah rezeki, sebagai contoh: *berapa rezeki kamu sebulan?* bermaksud *Berapa gaji kamu sebulan?*

كَمْ رِزْقُكَ فِي الشَّهْرِ / كَمْ رَاتِبُكَ فِي الشَّهْرِ<sup>2</sup>

Imam Ibn Hajar al-‘Asqalani (2005) mendefinisikan rezeki sebagai gaji atau *ratib* dari pemerintah yang diambil dari Baitul Mal untuk petugas yang berkerja untuk maslahat kaum muslimin<sup>3</sup>.

Walaupun bagaimanapun, terdapat juga ulama yang menggunakan istilah rezeki dengan makna umum iaitu apa sahaja yang diberikan atau didapati oleh seseorang samada dari individu, pertubuhan, organisasi dan sebagainya. Istilah rezeki dengan makna umum ini dapat dilihat melalui penggunaan para ulama dalam kitab-kitab tulisan mereka seperti Ibn Qudamah al-Maqdisi (1968) dalam Mughni al-Muhtaj<sup>4</sup>, Imam al-Ramli (1984) dalam Nihayah al-Muhtaj<sup>5</sup> dan Imam al-Nawawi (1991) dalam Raudah al-Tholibin<sup>6</sup>. Sebagai contoh Ibn Qudamah al-Maqdisi menggunakan istilah rezeki merujuk kepada imbuhan yang diberikan oleh dua individu yang bertelagah kepada seorang hakim yang dilantik oleh mereka sendiri

<sup>1</sup> al-Nawawi (1991) *Raudhah Tholibin Wa ‘Umdah al-Muftin* j. 5 h. 323

<sup>2</sup> Adil Shahin (2004) *Akhz al-Mal a’la a’mal al-Qurab* h.48

<sup>3</sup> al-‘Asqalāni (2000), *Fath al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī* j.13 h.150

<sup>4</sup> al-Maqdisi (1968) *al-Mughni* j. 10 h 35

<sup>5</sup> al-Ramli (1984) *Nihayah Al-Muhtaj Ila Syarh Al-Minhaj* j1. H. 418

<sup>6</sup> al-Nawawi (1991) *Raudhah Tholibin Wa Umdah al-Muftin* j.11 h.137

untuk menyelesaikan pertikaian di antara mereka. Hakim tersebut boleh meminta “rezeki ” untuk mengadili kes mereka .

فَقَالَ لِلْخَصْمَيْنِ: لَا أَقْضِي بَيْنَكُمَا حَتَّى تَجْعَلَا لِي رِزْقًا عَلَيْهِ.

*Hakim berkata kepada dua pihak yang bertelagah : “ Aku tidak akan memberi keputusan (terhadap pertelagahan) diantara kamu berdua ,sehingga kamu berikan kepada aku rezeki”.*

Jelas pemberian imbuhan tersebut yang diistihkan sebagai rezeki adalah dari individu, bukan dari pihak berkuasa melalui Baitul Mal .Walaupun penggunaan istilah rezeki digunakan juga dengan maksud seperti di atas iaitu imbuhan yang diberikan oleh individu tertentu, tetapi kebiasaannya penggunaan istilah rezeki secara meluas dalam kitab-kitab fekah adalah merujuk kepada gaji dari pihak pemerintah yang diambil dari Baitul Mal . Justeru, istilah rezeki yang digunakan dalam penulisan ulama-ulama di zaman silam perlu diteliti untuk menentukan samaada maksud istilah rezeki tersebut merujuk kepada maksud khusus atau umum. Adakah istilah yang digunakan membawa maksud khusus iaitu gaji atau maksud umum yang mencakupi semua bentuk imbuhan. Hal yang demikian kerana ia akan mempunyai implikasi hukum yang berbeza.

## **2. Imbuhan Yang Diberikan Oleh Organisasi atau Individu**

Berdasarkan kepada perbincangan para ulama , sumber pemberian imbuhan juga boleh datang dari individu atau organisasi bukan kerajaan. Dalam hadith yang diriwayatkan oleh Ibn Majah dan Abu Daud , imbuhan yang diberikan kepada dua orang sahabat Rasulullah SAW iaitu Ubai bin Kaab dan U’badah bin Somit datang dari individu. Kedua-dua individu ini ialah murid kepada Ubai dan Ubadah yang belajar al-Quran dengan mereka. Pemberi imbuhan ini diketahui sebagai individu berdasarkan lafaz hadith yang menyebut bahawa pemberi hadiah adalah ( رجل ) yakni seorang lelaki. Dalam riwayat al Thabrani, lelaki yang memberi hadiah kepada Ubai bin Kaab adalah Thufail bin Amru al-Dausi. Dalam riwayat hadith yang lain, Rasulullah SAW menyebut tentang kewujudan kelompok pembaca al-Quran yang membaca al-Quran dengan tujuan meminta-minta dari orang ramai. Pembaca al-Quran ini yang datang selepas zaman Baginda akan menjadikan matlamat mereka membaca al-Quran adalah semata-mata untuk mendapatkan imbuhan dari orang ramai. Lafaz yang digunakan oleh Baginda ialah ( الناس ) yang bermaksud manusia atau orang ramai. Orang ramai yang memberi imbuhan tersebut mungkin individu atau organisasi tertentu.

Perbezaan sumber imbuhan sama ada dari kerajaan atau bukan kerajaan disamping perbezaan penggunaan istilah rezeki samaada dengan maksud umum atau khusus akan membawa kepada implikasi perbezaan hukum.

## HUKUM MENERIMA IMBUHAN MENGAJAR UGAMA

### 1) Hukum Menerima Imbuan Dari Kerajaan

Menerima imbuan dari kerajaan melalui sumber baitul mal atau wakaf tidak menimbulkan perbezaan pandangan dalam kalangan para ulama. Mereka sepakat berpendapat bahawa guru agama, pengajar, penceramah agama boleh menerima imbuan yang diberikan oleh pemerintah atas tugas khusus yang diamanahkan kepada mereka. Menurut Ibn Mansur (1993) dan al-Maqdisi (1968), menerima imbuan dari pemerintah atau pihak berkuasa yang diambil dari Baitul Mal tidak menjadi isu pertikaian dalam kalangan para ulama, sebaliknya boleh dikatakan semua ulama membenarkannya<sup>7</sup>.

Kedudukan guru-guru agama atau penceramah agama yang menerima imbuan dari kerajaan tidak berbeza dengan penjawat awam lain yang menerima gaji dari kerajaan seperti doktor, jururawat, tentera dan sebagainya. Hal yang demikian kerana pendidikan merupakan salah satu tanggungjawab sosial yang perlu disediakan oleh kerajaan. Sepertimana kerajaan bertanggungjawab membina prasarana dan infrastruktur seperti masjid, sekolah, empangan, jalan dan sebagainya, kerajaan juga bertanggungjawab menyediakan peruntukan untuk menggaji guru-guru agama bagi mengajar al-Quran dan subjek lain yang dikategorikan sebagai subjek agama seperti fekah, hadith dan seumpamanya. Imbuan ini boleh diterima kerana ia merupakan gaji dari pihak kerajaan untuk maslahat ummah<sup>8</sup>, bahkan maslahat berkaitan pendidikan agama perlu diletakkan pada prioriti paling tinggi kerana mempunyai kaitan dengan maqasid “Hifz al-Din” iaitu matlamat menjaga agama.

Hukum menerima imbuan kerana mengajar agama tidak boleh disamakan dengan hukum menerima imbuan kerana melakukan ibadat khusus yang lain seperti solat, puasa, membaca al-Quran dan sebagainya. Ini kerana sebagai pengajar, sudah tentu mereka terikat dengan tugas-tugas lain seperti menyediakan bahan bantu mengajar, memeriksa latihan murid, menyediakan soalan peperiksaan, menyemak kertas soalan, menyediakan laporan prestasi, menjaga kebajikan murid, memberi khimat kaunseling, memberi motivasi terhadap murid, dan sebagainya.

Dalam konteks penceramah yang tidak menerima gaji tetap, tetapi menerima imbuan dari kerajaan berdasarkan undangan pada waktu tertentu, maka kedudukan mereka sama seperti guru tetap di sekolah, kerana sumber imbuan tersebut adalah dari kerajaan yang bertanggungjawab terhadap maslahat rakyat dan negara. Penceramah yang tidak menerima gaji tetap juga perlu membuat rujukan dan persediaan dengan membaca lebih banyak bahan, membuat tapisan sumber dan sebagainya. Hal ini berbeza dengan ibadat khusus yang lain seperti solat, puasa dan sebagainya.

---

<sup>7</sup> Lihat Ibn Mansur (1993). *Sunan Said\_Ibn Mansur*, j. 2 h. 389 dan al- Maqdisi (1968)- *al-Mughni* j.5 h. 411

<sup>8</sup> Lihat al- Maqdisi (1968) *al-Mughni* j. 5 h. 411

Oleh itu tugas mengajar dan berceramah bukan semata-mata dikategorikan sebagai amalan qurbah atau amalan taat seperti mana ibadah khusus yang lain yang bersifat a'ini (peribadi) sebaliknya perbuatan mengajar mempunyai kaitan dan keterlibatan dengan pihak-pihak lain<sup>9</sup>.

Ijma' para sahabat menunjukkan keharusan mengambil harta dari Baitul mal sebagai gaji kepada penjawat awam yang dilantik oleh kerajaan. Ini berdasarkan hadith yang diriwayatkan oleh Abu Daud<sup>10</sup> :

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ بُرَيْدَةَ عَنْ أَبِيهِ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : مَنْ اسْتَعْمَلَنَا عَلَى عَمَلٍ فَرَزْنَا لَهُ رِزْقًا فَمَا أَحَدٌ بَعْدَ ذَلِكَ فَهُوَ غُلُولٌ

Terjemahan : *Dari Abdullah bin Buraidah dari bapanya dari Nabi SAW, bahawa Baginda bersabda : “Sesiapa yang kami lantik untuk melaksanakan sesuatu tugas , lalu kami berikan rezeki (gaji), maka apa yang diambilnya selepas dari itu merupakan satu pengkhianatan”* .

Dari Hadith ini , dapat dibuat beberapa kesimpulan, **Pertama** : Rasulullah SAW memang memberikan imbuhan khusus iaitu gaji berasaskan tugas yang dilaksanakan oleh seseorang penjawat, **Kedua** : Lebihan imbuhan yang diambil melalui rasuah , penipuan dan sebagainya merupakan pengkhianatan kepada negara dan kaum muslimin kerana peruntukan tersebut merupakan harta rakyat yang diambil dari perbendaharaan negara iaitu Baitul Mal.

Seorang tabi'ie yang bernama Ibn Sa'idi juga menceritakan bahawa beliau pernah diamanahkan untuk mengumpul zakat oleh Saidina Umar yang ketika itu sudah menjadi seorang khalifah, Ibn Sa'idi enggan menerimanya dengan alasan beliau melakukannya kerana Allah. Umar Ibn al-Khattab memintanya supaya menerima imbuhan tersebut kerana beliau juga pernah diberikan oleh Rasulullah SAW yang ketika itu sebagai pemimpin tertinggi di Madinah . Kisah Ibn Sa'idi diriwayatkan oleh imam Abu Daud dalam sunan beliau :

اسْتَعْمَلَنِي عُمَرُ عَلَى الصَّدَقَةِ فَلَمَّا فَرَغْتُ أَمَرَ لِي بِعُمَالَةٍ فَقُلْتُ إِنَّمَا عَمِلْتُ لِلَّهِ. قَالَ: خُذْ مَا أُعْطِيتَ فَإِنِّي قَدْ عَمِلْتُ عَلَى عَهْدِ رَسُولِ اللَّهِ -صلى الله عليه وسلم- فَعَمَلْنِي - أَيِ اعْطَانِي  
عمولة أي أجر<sup>11</sup> -

Terjemahan : *Umar melantik aku untuk mengumpul harta-harta zakat ,Apabila aku selesai (melaksanakan tugas ), dia memberikan kepada aku ‘**umalah** (imbuhan).Aku berkata : “Sesungguhnya aku lakukan kerana Allah” . Dia (Umar ibn al-Khattab) berkata “Ambillah apa yang diberikan kepadamu ,sesungguhnya aku telah melaksanakan tugas pada zaman Rasulullah SAW, maka Baginda memberikan aku imbuhan. yakni baginda memberikan aku **a'mulah** yakni ujarah (upah).*

<sup>9</sup> Lihat al-Manawi ( 1972) *Faidh al Qadir syarh al-Jami' al-Saghir* j. 2, h. 418 ( huruf hamzah )

<sup>10</sup> Abu Daud (t.t) *Sunan Abi Dāwūd Tahqīq : Muhammad Muhyī al Dīn ‘Abd al Hamīd -Bab fi arzaq al-Ummal* j. 4 h. 565

<sup>11</sup> Abu Daud (t.t) *Sunan Abi Dāwūd Tahqīq : Muhammad Muhyī al Dīn ‘Abd al Hamīd (Bab fi arzaq al-Ummal)* j. 3 h. 134 no hadith 2944 dan al-Nasai (1988) *Sunan al-Kubra* kitab al-zakat no hadith 2368

Berdasarkan hadith di atas, imbuhan yang diberikan oleh seseorang pemerintah dari Baitul Mal kepada penjawat awam boleh diterima bahkan sememangnya menjadi kewajipan kepada pemimpin untuk memberi imbuhan bagi memastikan keperluan penjawat awam mencukupi<sup>12</sup> (al-Qari 2002). Dari sisi yang lain pemberian tersebut menepati sunnah kerana pernah dilakukan oleh Rasulullah SAW. Walaupun hadith ini, secara khususnya berkaitan tugas memungut zakat namun tugas-tugas lain juga mempunyai persamaan kerana kesemuanya adalah untuk kepentingan dan maslahat negara dan tugas tersebut berkaitan dengan ibadah yang dianggap a'ini. Isu pokok dapat difahami melalui kenyataan Ibn Saidi bahawa beliau menganggap tugas ini sebagai tanggungjawabnya kepada agama dan beliau hanya mengharapkan pahala dari Allah di akhirat sahaja. Dalam riwayat yang lain beliau menyebut ungkapan ( وَإِنَّمَا أُجْرِي عَلَى اللَّهِ ) “ dan imbuhanku biar dari Allah sahaja”. Namun Saidina Umar meminta beliau menerima juga imbuhan tersebut kerana mengambil kira usaha, penat lelah dan kos yang terpaksa beliau keluarkan dalam mengumpul harta-harta zakat. Penerimaan imbuhan tidak menafikan ganjaran pahala yang akan diterima di hari akhirat dan tidak bertentangan dengan konsep ikhlas dalam beribadat.

Justeru imbuhan yang diberikan oleh sebuah kerajaan samaada diistilahkan sebagai gaji, saguhati, sumbangan dan sebagainya merupakan pemberian yang layak diterima oleh seseorang penjawat awam.

## 2) Hukum menerima imbuhan dari individu atau institusi selain kerajaan

Sumber pemberian imbuhan dari individu atau institusi selain kerajaan menjadi perbincangan dalam kalangan ulama. Tiada kata sepakat dalam memutuskan hukum menerima imbuhan dari individu atau *institusi bukan kerajaan*. Ada ulama membenarkan penerimaan imbuhan secara mutlak, sebahagian ulama lain tidak membenarkannya atau membolehkannya dengan bersyarat dan memerlukan penjelasan lebih terperinci.

### 2.1 Tidak harus menerima imbuhan

Sebahagian ulama memfatwakan bahawa menerima imbuhan kerana mengajar ilmu-ilmu agama adalah tidak harus. Hal yang demikian berdasarkan nas beberapa buah hadith yang melarang penerimaan imbuhan. Di antaranya ialah hadith yang diriwayatkan oleh Ubai bin Kaab di mana Rasulullah SAW melarang beliau menerima busur panah yang diberikan kepadanya. Baginda bersabda kepada Ubai bin Kaab:

إِنْ أَخَذْتَهَا أَخَذْتَ قَوْسًا مِنْ نَارٍ<sup>13</sup>

Terjemahan : Jika engkau mengambilnya ( busur panah tersebut), Engkau (sebenarnya) mengambil busur panah dari neraka.

<sup>12</sup> al-Qari (2002) *Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masabih*.—kitab al-zakat j. 4 h. 1317

<sup>13</sup> Ibn Majah (1998) *Sunan Ibn Majah*, [Kitab al Tijarat, Bab al-Ajr a'la Ta'lim al Quran h. 730 no hadith 2158].

Sebab wurud hadith ini menunjukkan bahawa Ubai bin Kaab tidak pernah meminta busur panah tersebut bahkan beliau tidak pernah meletakkan sebarang syarat ketika mengajar al-Quran sebaliknya pemberian tersebut merupakan hadiah dari seorang murid kepada beliau . Teks hadith yang menunjukkan bahawa pemberian tersebut adalah hadiah ialah kata –kata Ubai bin Kaab sendiri :

فَأَهْدِي إِلَيَّ رَجُلٌ مِنْهُمْ قَوْسًا

Terjemahan : “*maka salah seorang dari mereka menghadiahkan kepadaku satu busur panah*”.

Seorang lagi sahabat Rasulullah SAW yang juga merupakan guru al-Quran iaitu Ubadah bin Somit dihadiahkan busur panah oleh seorang murid beliau . Beliau telah memakai busur panah tersebut di badan beliau dan datang berjumpa dengan Rasulullah SAW . Beliau juga dilarang dari menerima hadiah tersebut . Rasulullah SAW bersabda kepada beliau :

إِنْ كُنْتَ تُحِبُّ أَنْ تُطَوَّقَ طَوْقًا مِنْ نَارٍ فَأَقْبَلْهَا<sup>14</sup>

Terjemahan : “*Jika engkau ingin dikalung dengan api neraka ,maka terimalah*”.

Hadith tentang larangan mengambil imbuhan mengajar al-Quran diriwayatkan dari dua sahabat yang berbeza menunjukkan bahawa Rasulullah SAW konsisten dalam melarang pengambilan imbuhan mengajar al-Quran. Oleh itu hadith ini dijadikan sandaran oleh para ulama seperti Imam Abu Hanifah yang berpandangan bahawa mengambil imbuhan mengajar al-Quran adalah haram<sup>15</sup> ( al-A’ini (2001). Ini kerana pengajaran al-Quran adalah ibadah dan setiap ibadah mestilah dilakukan dengan penuh ikhlas. Diqiaskan dari larangan mengambil imbuhan mengajar al-Quran adalah menerima imbuhan kerana mengajar ilmu-ilmu agama yang lain. Jika pemberian imbuhan dalam bentuk hadiah pun tidak dibenarkan, apatah lagi imbuhan yang ditetapkan oleh penceramah. Ini kerana tindakan penceramah ini bertentangan dengan matlamat sebenar mengajar al-Quran atau ilmu-ilmu agama yang lain iaitu mencari redha Allah dengan memberi kefahaman agama kepada orang ramai.

Walaupun teks hadith ini tidak mempunyai lafaz atau perkataan ujah atau ajr yang boleh diterjemah secara langsung sebagai imbuhan atau upah , tetapi ketika membicarakan hadith ini , para syurrah al-hadith meletakkan hadith ini dalam bab al-ujrah seperti Imam al-Syaukani (2005) dalam Nail al-Authar dan Imam al-Sindi (1996) dalam Syarah Sunan Ibn Majah.

<sup>14</sup> Abū Dāwūd (t.t) *Sunan Abi Dāwūd* [Kitab al-Ijarah, Bab fi kasb al- muallim, hal 290, no. hadith 3416. ] dan Ibn Majah(1998) *Sunan Ibn Majah*, [Kitab al Tijarat , Bab al-Ajr a’la Ta’lim al Quran h. 372 , no.hadith 2157.]

<sup>15</sup> Al-A’ini (2001) *Umdah al-Qari-Syarh Sahih Bukhari* j. 12 h.135



Antara hadith yang melarang penerimaan imbuhan secara tidak langsung ialah sebuah hadith berkaitan azan. Hadith tersebut menceritakan gesaan Rasulullah SAW kepada seorang sahabat Baginda untuk mencari seorang pembantu iaitu muazzin yang tidak mengambil upah.

عَنْ عُثْمَانَ بْنِ أَبِي الْعَاصِ قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ اجْعَلْنِي إِمَامَ قَوْمِي قَالَ أَنْتَ إِمَامُهُمْ وَاقْتَدِ  
بِأَضْعَفِهِمْ  
وَاتَّخِذْ مُؤَدِّنَا لَا يَأْخُذْ عَلَيَّ أَذَانِهِ أَجْرًا<sup>16</sup>

Terjemahan : Usman bin Abu al- ‘As berkata : Wahai Rasullulah , jadikanlah aku sebagai imam kepada kaumku, Rasullulah SAW menjawab : “*Kamu (dilantik menjadi) imam kepada mereka, dan perhatikanlah yang lemah di kalangan mereka (keadaan makmum dalam soal memanjang atau memendekkan solat), dan ambillah seorang muazzin yang tidak mengambil imbuhan (upah) dalam melaungkan azan*” .

## 2.2 Harus Menerima Imbuhan

Sebahagian ulama yang lain pula memfatwakan bahawa menerima imbuhan kerana mengajar al-Quran dan ilmu-ilmu agama adalah harus . Hal yang demikian berdasarkan nas beberapa buah hadith yang membenarkan penerimaan imbuhan , antaranya ialah hadith yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhari di mana Baginda bersabda :

إِنَّ أَحَقَّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ<sup>17</sup>

Terjemahan : “*Sesungguhnya yang paling wajar untuk kamu ambil imbuhan (upah) adalah Kitab Allah*” .

Sebab wurud hadith ini menceritakan tentang seorang sahabat Rasulullah SAW yang membaca surah al-Fatihah keatas seorang ketua kabilah yang disengat binatang bisa. Sahabat tersebut dan rakan yang mengiringinya telah diberi imbuhan sejumlah kambing. Walaupun imbuhan ini dalam konteks merawat pesakit namun dalam proses rawatan tersebut jelas perawat membaca al-Quran iaitu surah al-Fatihah dan kemudian menerima upah iaitu sejumlah kambing<sup>18</sup> dari pesakit. Keengganan para sahabat yang lain menerima kambing

<sup>16</sup> Hadith ini diriwayatkan oleh Imam Abu Daud, al-Nasai, Ibn Majah , dan juga Imam Ahmad . Lihat Abū Dāwūd ( t.t), *Sunan Abi Dāwūd* [ Kitab Al- Solat, Bab akhzu al Ajr a’la Ta’zin, No. hadith 531]. j.1, 398, dan al-Sayuthi (1994) *Sunan al-Nasai bisyarh as-Sayuti* [ Kitab al- Azan, bab ittikhaz al-muazzin allazi la y’akhuz a’la azanihi ajra no. hadith 672 ] j.2, 23 dan Ibn Majah (1998) , *Sunan Ibn Majah*, [Kitab al-azan wa al-sunnah fiha, Bab al-sunnah fi al-azan , no hadith 714]. j.1h. 236 dan al-Syaibani (1998) *Musnad Ahmad bin Hanbal*, Awal Musnad al-Madaniyyin, h. 1157, No . hadith 16379

<sup>17</sup> Lihat al-Bukhari (1998) *Sahih al-Bukhari* [Kitab al-Thib, Bab al-Syurut fi al-Ruqiyyah bi fatihatil kitab, no. hadith 5737 ] h. 1453 dan Muslim (1998) *Sahih Muslim* [ Bab jawaz akhzi al –ujrah a’la ruqyah bi al- Quran, no. hadith 2201]

<sup>18</sup> Menurut penilaian semasa di Malaysia ,harga bagi semua kambing tersebut mencapai puluhan ribu ringgit. Ini berdasarkan pandangan sebahagian para ulama seperti al-A’masy (الاعمش) , al-qati’ (القطيع) seperti yang disebut dalam hadith ialah jumlah di antara 10 sehingga 40 ekor kambing. Ini disokong oleh hadith riwayat Tirmidhi yang menyebut bahawa jumlah kambing yang dipersetujui antara para sahabat dengan ketua kabilah tersebut adalah 30 ekor, ini juga menunjukkan bahawa kemungkinan jumlah sahabat dalam kumpulan tersebut adalah 30

yang diberikan oleh ketua kabilah tersebut menjelaskan isu pokok tentang hukum menerima imbuhan apabila mereka berkata kepada Baginda, “ Wahai Rasulullah , dia mengambil upah membaca kitab Allah”. Kata-kata sahabat ini menunjukkan pemahaman mereka bahawa mengambil imbuhan membaca al-Quran merupakan satu kesalahan. Lalu baginda bersabda dengan hadith di atas yang menjelaskan hukum harus mengambil imbuhan kerana membaca al-Quran sama ada untuk tujuan merawat ,mengajar dan sebagainya.

Tindakan memberi imbuhan juga dilakukan sendiri oleh Rasulullah SAW. Ini dapat dilihat dari hadith berkenaan Abu Mahzurah yang diriwayatkan oleh Imam al-Nasai, Abu Daud dan Imam Ahmad. Beliau yang merupakan sahabat Rasulullah SAW menceritakan bahawa apabila beliau selesai azan , Rasulullah S.A.W telah memberikan seuncang wang perak kepada beliau:

" ثُمَّ دَعَانِي حِينَ قَضَيْتُ النَّأْذِينَ فَأَعْطَانِي صُرَّةً فِيهَا شَيْءٌ مِنْ فِضَّةٍ <sup>19</sup> ."

Terjemahan : *Kemudian baginda memanggilku apabila aku selesai azan , maka baginda memberikan aku seuncang wang perak”.*

Dalam hadith ini jelas menunjukkan bahawa Abu Mahzurah yang merupakan seorang Muazzin telah diberi imbuhan . Rasulullah sendiri yang memberikannya dalam bentuk wang perak . Kata-kata Abu Mahzurah bahawa Rasulullah SAW memanggil beliau dan memberi wang perak sebaik sahaja selesai azan menunjukkan kaitan pemberian tersebut dengan tugasnya sebagai seorang muazzin. Justeru, berdasarkan hadith-hadith ini jelas menunjukkan bahawa menerima imbuhan adalah diharuskan.

## ANALISA HADITH

Penelitian yang dilakukan menunjukkan bahawa hadith-hadith berkaitan ujah mengajar Al Quran dan ilmu-ilmu agama mempunyai percanggahan diantara satu sama lain. Terdapat riwayat-riwayat yang melarang pemberian imbuhan kepada guru al-Quran sedangkan dalam riwayat yang lain membenarkannya. Penjelasan tentang percanggahan hadith - hadith ini akan membawa kepada keperluan memahami konteks setiap hadith tersebut diucapkan atau dengan kata lain memahami illah disebalik isu imbuhan ini.

### Analisa Hadith Yang Melarang Menerima Imbuhan

---

orang , setiap seorang mendapat seekor kambing . Lihat al-Tirmidhi (1996) *Sunan al-Tirmidhi* [Abwab/Kitab al-Thib, Bab Ma jaa fi akhzi al-ajr a'la ta'wiz ] j.3, h.579

<sup>19</sup> Hadith ini diriwayatkan oleh Imam al-Nasai , Abu Daud dan juga Imam Ahmad . Lihat al –Nasai (1988), *Sunan al-Nasai* [ Kitab al-Azan, bab kaifa al-azan, no 632 ] hal 106 , dan al- Syaibani , Ahmad bin Hanbal (1998) *Musnad Ahmad bin Hanbal*, [Musnad al-Makiyyin, h. 1074, No 15454 ]

Larangan menerima imbuhan dari individu mempunyai sebab dan alasannya. Huraian hadith menjelaskan sebab larangan tersebut. Rasulullah S.A.W melarang Ubai bin Kaab dan Ubadah bin Somit dari menerima hadiah kerana murid-murid yang belajar dengan mereka terdiri dari Ahlu Suffah<sup>20</sup> yang sangat fakir. Golongan ini hidup dengan bantuan orang ramai. Cerita Said al Khudri menunjukkan betapa fakirnya mereka :

قَالَ : جَلَسْتُ فِي عَصَابَةٍ مِنْ ضُعَفَاءِ الْمُهَاجِرِينَ وَإِنَّ بَعْضَهُمْ لَيَسْتَتِرُ بِبَعْضٍ مِنَ الْعُرَى  
وَقَارِئٌ يَقْرَأُ عَلَيْنَا<sup>21</sup>

Terjemahan : “*Aku duduk dalam satu kumpulan Muhajirin yang fakir<sup>22</sup>, ( oleh kerana kerana kefakiran mereka itu) sebahagian dari mereka saling berlingdung sesama sendiri untuk menutup aurat mereka , sedangkan semasa itu terdapat seorang guru al-Quran yang sedang mengajar kami*”.

Hadith ini menunjukkan bahawa para sahabat dari golongan ahlu Suffah itu terlalu fakir sehingga tidak mempunyai pakaian yang mencukupi untuk menutup seluruh tubuh mereka dengan sempurna. Namun mereka hadir juga dalam majlis pengajian dan duduk berhimpit-himpit untuk menutup kekurangan mereka dalam berpakaian.

Panggilan Rasulullah S.A.W kepada mereka juga dapat menggambarkan keadaan mereka ketika itu. Baginda memanggil mereka dengan panggilan *صعاليك* yang mana panggilan itu dalam bahasa Arab digunakan untuk golongan yang sangat fakir<sup>23</sup>. Perkataan yang sesuai untuk menggambarkan keadaan mereka mengikut istilah bahasa melayu ialah ‘papa kedana’<sup>24</sup>. Panggilan Rasulullah S.A.W kepada mereka ini dapat dilihat dari sambungan hadis di atas :

أَبَشِّرُوا يَا مَعْشَرَ صَعَالِيكِ الْمُهَاجِرِينَ بِالنُّورِ التَّامِّ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Maksudnya : “*Bergembiralah wahai para fakir muhajirin dengan ( kurniaan) cahaya yang sempurna pada hari kiamat (nanti)*”.

Pemberian imbuhan dari seorang murid mungkin pada permulaannya hanya sekadar hadiah tetapi lama kelamaan akan menjadi adat kemestian . Pemberian ini akan membebankan

<sup>20</sup> Golongan fakir dari kalangan muhajirin yang datang dari Mekah, mereka tidak mempunyai harta maupun keluarga . Tempat tinggal mereka adalah berhampiran masjid al-Nabawi . Lihat al- ‘Asqalāni (2000), *Fath al-Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī* j. 7 h. 688.

<sup>21</sup> Abu Daud (t.t) *Sunan Abu Daud* [ Kitab al-Ilm, bab fi al- Qisas , h. 659 , no hadith 3666]

<sup>22</sup> Perkataan Dhuafa’ di sini bukan bermaksud lemah fizikal, tetapi yang dimaksudkan dengan lemah di sini ialah dari sudut status sosial, pemilikan harta dan sebagainya, ini kerana yang dimaksudkan dengan golongan duaafa’ di sini ialah ahlu al- Suffah , mereka dikenali memiliki fizikal yang kuat untuk berkerja tetapi fakir . Lihat al- Mubarakfuri (1414H) *Mir’at al –mafatih fi syarh misykat al- masabih* juz 7 h.277 (fasal al-thani)

<sup>23</sup> So’luk : Seseorang yang fakir yang langsung tidak mempunyai harta , So’luk dalam konteks binatang, ialah haiwan yang telah gugur bulu-bulunya sehingga menampakkan kulit dan terbiar tidak dipedulikan. Lihat Ibn Manzur ( 1330H) *Lisan al- Arab* h.455

<sup>24</sup> Papa kedana bermaksud terlalu papa ( Kamus Dewan Edisi keempat )

mereka sedangkan mereka tidak mampu dan dalam masa yang sama sangat memerlukan bimbingan.

Dari sudut yang lain, larangan penerimaan imbuhan juga berkaitan dengan penekanan syarak terhadap objektif utama memberi pendidikan agama iaitu keredhaan Allah dan imbuhan di hari akhirat. Perkara ini merupakan sesuatu yang penting dan perlu ditanam terlebih dahulu dalam diri guru agama. Setelah itu barulah segala illah atau alasan yang membolehkan penerimaan imbuhan duniawi diambilkira. Alasan-alasan seperti keperluan guru, motivasi kepada guru dan sebagainya bukanlah sesuatu yang ditolak oleh syarak secara mutlak .

Matlamat utama dalam menyampaikan ilmu agama adalah ikhlas semata-mata kerana Allah SWT dan mengharap ganjaran di akhirat. Justeru terdapat nas yang secara jelas menyebut tentang matlamat ini dan menggesa supaya setiap individu yang terlibat dalam memberi pengetahuan agama kepada masyarakat Islam berhati-hati dan mengingati bahawa matlamat mereka bukan untuk mendapatkan imbuhan duniawi sehingga meminggirkan matlamat utama iaitu imbuhan ukhrawi. Rasulullah SAW bersabda :

اقْرَأُوا الْقُرْآنَ وَاعْمَلُوا بِهِ ، وَلَا تَجْهَرُوا عَنْهُ ، وَلَا تَعْلَمُوا فِيهِ ، وَلَا تَأْكُلُوا بِهِ ، وَلَا تَسْتَكْبِرُوا

" به " 25

Terjemahan : *Bacalah al-Quran dan hendaklah kamu beramal sesuai dengan tuntutanannya , jangan melupakannya, dan jangan melampau, jangan cari makan dengannya dan jangan mengumpul kekayaan menggunakan al-Quran”*

### **Analisa Hadith Yang Membenarkan Menerima Imbuhan**

Hadith yang membenarkan penerimaan imbuhan dari kerajaan adalah kerana tugas memberi pendidikan sememangnya merupakan kewajipan dan tanggungjawab sesebuah kerajaan disamping kemampuan mereka memiliki dana yang besar. Melalui berbagai sumber hasil mahsul negara, kerajaan perlu menggunakannya untuk memikul tanggungjawab menjaga agama (maqasid hifz al-din ) yang perlu diletakkan pada prioriti tertinggi . Antara langkah menjaga agama adalah memberi kefahaman agama kepada rakyat dengan cara menggaji kakitangan untuk tujuan tersebut. Guru-guru agama atau penceramah agama di majlis ceramah umum merupakan kakitangan yang berkhidmat dengan kerajaan. Nas-nas hadith dan athar dari amalan sahabat menunjukkan bahawa kakitangan kerajaan diberi imbuhan dari perbendaharaan negara. Pemberian imbuhan oleh sesebuah kerajaan yang

---

<sup>25</sup> Hadith ini dinukilkan oleh Imam al-Thahawi , Imam Ahmad dan al-Thobrani . Lihat al-Thahawi (1994) *Syarh al -Ma'ani al-Athar* ”- j. 2 h. 64 dan al- Syaibani , Ahmad bin Hanbal (1998) *Musnad Ahmad bin Hanbal* j. 3 h. 428 dan 444 dan al -Thobrani (1995) *Mukjam al-Ausat* juz 3 hal 86 .

Imam Ibn Hajar al-A'sqalani dalam Fathul Bari menyatakan bahawa hadith ini mempunyai sanad yang kuat . Lihat al-A'sqalani (2000) *Fath al- Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī* j. 9 h.126 .

mentadbir merupakan amalan Rasulullah SAW dan juga Khulafa' al- Rasyidin selepas Baginda.

Hadith yang membenarkan penerimaan imbuhan walaupun dengan ditetapkan jumlah terlebih dahulu seperti hadith ( *إِنَّ أَحَقَّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ* ) juga mempunyai tafsirannya. Ada berbagai pendapat tentang sebab Baginda membenarkan perawat yang membaca Al-Quran mengambil imbuhan tersebut. Menurut Imam Ibn al- Jauzi, antara sebabnya ialah , **Pertama** : kerana kabilah tersebut tidak melayani tetamu dengan layanan yang sepatutnya<sup>26</sup>. Ini dapat dilihat dari teks hadith yang menyebut bahawa para sahabat telah memohon untuk bertamu di tempat mereka tetapi ditolak ,

*فَاسْتَضَافُوهُمْ فَأَبَوْا أَنْ يُضَيِّفُوهُمْ*

Terjemahan : *Maka mereka (para sahabat) memohon untuk bertamu, tetapi kabilah tersebut enggan untuk menerima mereka sebagai tetamu.*

Sikap kabilah ini telah menyalahi adat orang-orang arab yang biasanya sangat memuliakan tetamu sehingga diriwayatkan ada yang sanggup berlapar demi memastikan tetamu mendapat layanan yang baik<sup>27</sup>. Memberi layanan kepada tetamu merupakan suatu kewajipan tetapi mereka telah menolaknya, justeru mengenakan imbuhan adalah sebagai reaksi setara terhadap sikap mereka di mana mereka sepatutnya mengeluarkan belanja untuk menjamu tetamu. Dalam konteks pendidikan ilmu agama, terdapat masyarakat yang memandang rendah kepada subjek agama berbanding subjek yang lain , di mana mereka sanggup berhabis wang ringgit tetapi berkira terhadap pendidikan agama. Justeru, mereka perlu dididik tentang kedudukan dan kepentingan ilmu agama. Menganakan bayaran adalah bertujuan supaya masyarakat memandang tinggi hal-hal berkaitan agama. Masyarakat sepatutnya tidak berkira wang ringgit dalam memberi pendidikan agama kepada anak-anak dan juga keluarga.

**Kedua** , Membaca al-Quran dalam proses rawatan yang dilakukan oleh para sahabat Rasulullah SAW bukan semata-mata dikategorikan sebagai amalan qurbah iaitu membaca al-Quran semata-mata, sebaliknya terdapat proses lain seperti yang biasa dibuat dalam bidang perawatan seperti sentuhan, urutan, khidmat nasihat (consultant service) dan sebagainya. Justeru , apa yang diterima oleh perawat adalah seperti *consultant service fees* yang dikenakan oleh doktor-doktor di hospital disamping charge rawatan sebenar.

Dalam hadith ini juga, imbuhan yang diterima adalah berdasarkan kontrak yang telah dipersetujui antara perawat dan pesakit. Ini berdasarkan riwayat al Bukhari dengan lafaz yang

<sup>26</sup> Lihat al-Aini (2001) *Umdah al-Qari-Syarh Sahih Bukhari* .j. 12 h. 96

<sup>27</sup> Kisah seorang sahabat Rasulullah SAW yang memadamkan lampu di bahagian keluarganya supaya tetamu yang bermalam di rumah beliau tidak melihat bahawa isteri dan anak-anak beliau sebenarnya tidak mempunyai makanan . Beliau melakukan demikian demi memastikan tetamu tersebut dapat menikmati hidangan tanpa terganggu dengan keadaan keluarganya. Rasulullah bersabda kepada mereka berdua (suami dan isteri) ( *لَقَدْ عَجِبَ اللَّهُ مِنْ صَنِيعِكُمَا اللَّيْلَةَ إِلَى ضَيْفِكُمْ* ). Lihat Muslim (1998), *Sahih Muslim* no. hadith 2054 - h.1136

lain yang menyebut bahawa para sahabat telah meletakkan syarat supaya mereka diberi kambing jika mahukan mereka merawat pesakit tersebut :

وَلَا نَفْعُ حَتَّى تَجْعَلُوا لَنَا جُعْلًا

Terjemahan : “Kami tidak akan lakukan ( rawatan) sehingga kamu berikan kepada kami imbuhan”.

فَقَرَأَ بِفَاتِحَةِ الْكِتَابِ عَلَى شَاءٍ

Terjemahan : “ Maka dia (merawat dengan ) membaca al-Fatihah dengan syarat diberi sejumlah kambing ”.

Imam Syafiee telah menggunakan hadith ini sebagai hujah bahawa mengajar Al-Quran dengan mengambil imbuhan bahkan dengan meletakkan syarat atau diadakan persetujuan terlebih dahulu berkaitan jumlah imbuhan adalah diharuskan<sup>28</sup> .

Dalam konteks hadith Abu Mahzurah pula, terdapat masalah dalam pemberian wang perak tersebut. Ini kerana beliau diriwayatkan sangat membenci Rasulullah SAW sehingga ke peringkat beliau mengejek-ngejek azan di Mekah. Dengan pemberian tersebut, Baginda mengharapkan ia akan dapat menghilangkan kebencian yang terdapat dalam hati beliau disamping memujuk beliau supaya lebih mendalami dan menghayati Islam. Ini kerana beliau ketika itu baru sahaja memeluk agama Islam<sup>29</sup>.

Oleh itu jika terdapat hadith-hadith yang melarang menerima imbuhan, maka ia perlu dilihat illahnya dan ditakwil supaya tidak bercanggah dengan hadith yang membenarkan imbuhan seperti hadith dimana Rasulullah SAW melarang seorang sahabat mencari muazzin yang mengambil upah. Larangan ini hanyalah bersifat makruh sahaja, yakni sebaik-baiknya bagi seorang muazzin tidak mengambil sebarang upah atau pemberian (jika beliau berkemampuan), tetapi jika beliau mengambilnya bukanlah satu kesalahan dari pandangan syarak<sup>30</sup>. Ini kerana status sosial seseorang muazzin perlu diambilkira. Beliau mungkin seorang yang fakir dan memerlukan sumber kewangan untuk menyara diri dan keluarga. Tugas memperdengarkan azan memerlukan seseorang sentiasa berada di masjid dan menanti-nanti masuknya waktu solat . Keadaan ini akan menyebabkan seseorang muazzin tidak dapat menumpukan perhatian sepenuh masa terhadap tugas-tugas yang lain.

Justeru, keharusan dan larangan menerima imbuhan bergantung kepada illah, suasana dan situasi.

---

<sup>28</sup> Lihat al-Tirmidhi (1996) *Al-Jami 'al Kabir li al-Tirmidhi (Sunan al-Tirmidhi)* [Abwab/Kitab al-Thib, Bab Maa jaa fi akhzi al-ajr a'la ta'wiz ] j.3, h.580

<sup>29</sup> Lihat Ahmad Syakir (2005) ‘*Umdah al-Tafsir 'an al- Hafiz ibn Kathir* j.1 h.703 (tafsiran ayat 57/58 surah al-Maidah)

<sup>30</sup> al-Sayuthi (1994) *Sunan al-Nasai bi Syarh al-Sayuthi* [ kitab al-azan , bab ittikhaz al-muazzin allazi la yakkhuz a'la azanihi ajra] j.2 h. 23, no. hadith 672.

## Analisa Status Hadith

Hadith-hadith ini juga berbeza dari sudut status sahih atau daifnya. Hadith mengenai larangan Rasulullah SAW terhadap Ubai bin Kaab dari menerima busur panah yang dihadiahkan kepada beliau, mempunyai penilaian yang berbeza dalam kalangan ulama hadith. Imam al-Baihaqi dan Ibn Abdul Bar menilai hadith ini sebagai hadith daif kerana sanadnya terputus iaitu di antara 'Atiah bin Qais al-Kila'i dan Ubai bin Kaab<sup>31</sup>, Hal yang demikian kerana pertemuan diantara mereka berdua tidak dapat dibuktikan. Di samping itu, menurut Ibn al-Qutan, perawi yang meriwayatkan hadith ini dari 'Atiah bin Qais al-Kila'i iaitu Abdul Rahman bin Salam pula merupakan seorang yang majhul<sup>32</sup>. Al-Zahabi (1995) turut menyatakan sanad hadith ini mudthorib<sup>33</sup> yang membawa erti hadith ini adalah daif mengikut penilaian beliau. Sebahagian ulama yang lain menilai hadith ini sebagai Hasan lighairih kerana jalur periwatan yang pelbagai saling mengukuhkan di antara satu sama lain. Syeikh Albani pula menilai hadith ini sebagai sahih kerana pelbagai riwayat tersebut membantu mengukuhkan status hadith sehingga ke tahap sahih.

Sanad hadith Ubadah bin Somit (yang juga menerima hadiah busur panah) menurut penilaian ulama hadith adalah lemah (Daif) kerana pada sanadnya terdapat Mughirah bin Ziyad dan al-Aswad bin Tha'labah. Imam Ahmad menyatakan bahawa hadith Mughirah bin Ziyad adalah hadith munkar<sup>34</sup>. Menurut Imam Abu Hatim al-Razi pula, hadith yang diriwayatkan oleh beliau tidak dapat dijadikan hujah<sup>35</sup>. Imam al-Bukhari turut memuatkan Mughirah bin Ziyad dalam senarai perawi yang Daif dalam 'Kitab al-Duafa'. Imam Ibn Hajar al-Asqalani dan al-Zahabi menyatakan Al-Aswad bin Tha'labah pula merupakan seorang perawi yang tidak dikenali (majhul)<sup>36</sup>.

Hadith-hadith tentang keharusan menerima imbuhan pula dilihat dari sudut statusnya adalah hadith sahih seperti hadith ( *إِنَّ أَحَقَّ مَا أَخَذْتُمْ عَلَيْهِ أَجْرًا كِتَابُ اللَّهِ* ) yang diriwayatkan oleh imam al-Bukhari. Hadith Abu Mahzurah yang diberi imbuhan wang perak setelah azan oleh Rasulullah SAW juga menurut penilaian ulama hadith adalah hadith sahih. Syeikh Ahmad

<sup>31</sup> al-Syaukani (2005) *Nail al-Authar Min Asrar Muntaqa al-Akhbar* [Kitab al-ijarah – ijarah 'ala qurab] juz 7 hal 144.

<sup>32</sup> Ibid.

<sup>33</sup> Al-Zahabi menyatakan sanad hadith ini mudthorib kerana terdapat perbezaan sanad pada Abdul Rahman bin Salam. Jalur riwayat Ibn Majah menyatakan bahawa perawi yang meriwayatkan dari Abdul Rahman bin Salam ialah Khalid bin Ma'dan dan seterusnya Thaur bin Yazid. Jalur periwayatan oleh Al-Baihaqi pula tidak menyebut Khalid bin Maadan, sebaliknya riwayat secara langsung oleh Thaur bin Yazid dari Abdul Rahman bin Salam. Lihat al-Zahabi (1995) *Mizan al-I'tidal fi naqdi al-rijal* J. 4 h 286 dan al-Albani (1985) *Irwa' al-Ghalil fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil* j. 5 hal. 316

<sup>34</sup> Al-San'aani (1995) *Subul al-Salam Syarh Bulugh al-Muram*. [Kitab al-Buyu'] h. 1233, no 859

<sup>35</sup> Imam Abu Hatim al-Razi dan Abu Zur'ah menggunakan istilah "Syeikh" terhadap Mughirah bin Ziyad. Istilah 'Syeikh' digunakan bagi maksud seseorang perawi yang jarang diambil hadith dari mereka, Hadith-hadith dari seorang perawi yang disebut sebagai Syeikh tidak kuat untuk digunakan sebagai hujah. Walaupun begitu jika seseorang perawi dinyatakan sebagai syeikh dengan diiringi oleh sifat yang lain seperti

( *شيخ ثقة / شيخ لا بأس به* ), maka hadith mereka diterima. Lihat al-Razi (1271H) *al-Jurh Wa Ta'dil*, j.8 h. 222

<sup>36</sup> al-Asqalani (t.t) *Taqrib al-Tahzib* no 504, hal 145 dan al-Zahabi (1995) *Mizan al-I'tidal Fi Naqdi al-Rijal* j. 1 h. 419

Shakir (2005) menyatakan bahawa sanad hadith ini sahih seperti yang dinyatakan beliau ketika membuat semakan (tahqiq) terhadap hadith ini<sup>37</sup>. Al-Albani (1998) juga mensahihkan hadith ini dalam kitabnya Sahih Sunan al- Nasai<sup>38</sup>. Hadith ini turut diriwayatkan oleh Imam al-Syafiee (1400H)<sup>39</sup> dan al-Dar al-Qutni (2004)<sup>40</sup>. Riwayat yang pelbagai ini saling menguatkan status hadith.

Jika dilihat dari sudut status, hadith yang membenarkan penerimaan imbuhan adalah lebih sahih berbanding hadith yang melarang penerimaan imbuhan. Namun, terdapat kaedah-kaedah yang telah digariskan oleh para ulama untuk berinteraksi dengan hadith-hadith yang pada zahirnya mempunyai percanggahan. Hadith-hadith seperti ini dikenali sebagai hadith mukhtalaf. Antara kaedah yang telah digariskan oleh para ulama ialah :

1) al-Jam'u (الجمع) : Menghimpunkan dan menerima kedua-dua nas dengan menjelaskan titik pertemuan yang dapat mengharmonikan dua nas yang bercanggah, menghilangkan segala ketidakfahaman dan kekeliruan sehingga jelas kepada peneliti bahawa percanggahan tersebut sebenarnya tidak wujud.

2) al-Nasakh (النسخ) : Penggantian hukum yang terdahulu dengan hukum baru yang datang selepasnya. Penggantian ini berlaku dengan ketentuan Allah SWT<sup>41</sup>. Dalam konteks hukum menerima imbuhan ini, ia bermaksud salah satu dari dua hukum sama ada harus atau haram menerima imbuhan akan memansuhkan hukum yang satu lagi. Mungkin hukum haram menerima imbuhan dimansuhkan dengan hukum harus atau sebaliknya.

3) al- Tarjih (الترجيح) : Memberi keutamaan kepada salah satu dari dua nas yang sesuai menjadi dalil tetapi terdapat percanggahan makna di antara kedua-duanya. Memberi keutamaan bermaksud wajib beramal dengan nas yang diutamakan itu dan mengabaikan nas yang marjuh<sup>42</sup>.

Menurut penelitian para ulama seperti imam al-Razi (1997) dan imam al-Syaukani (2000), kaedah terbaik dalam berinteraksi dengan hadith –hadith mukhtalaf bukanlah dengan kaedah al-tarjih atau pun kaedah al-nasakh yang akan menyebabkan salah satu nas diabaikan, sebaliknya menerima dan beramal dengan kedua-dua nas selagi mana terdapat ruang untuk berbuat demikian<sup>43</sup>. Kaedah yang menerima kedua –dua nas merupakan kaedah al-jam'u.

**Kaedah al-tarjih** ini sukar diimplementasikan dalam nas-nas seperti ini kerana beberapa sebab, **Pertama** : terdapat perbezaan pandangan dalam menilai status hadith, di mana tarjih berdasarkan status hadith iaitu mengutamakan hadith yang lebih kuat berbanding hadith yang lemah agak sukar dilakukan. **Kedua** : Terdapat hadith yang disepakati tentang statusnya

---

<sup>37</sup> Ahmad Syakir (2005) 'Umdah Tafsir 'an al- Hafiz Ibn Kathir', juz .1, h. 703 ( tafsiran ayat 57 surah al Maidah ).

<sup>38</sup> al-Albani (1998) Sahih Sunan al-Nasai j.1 h.209, no. hadith 631.

<sup>39</sup> al-Syafiee (1400H), Musnad al-Syafiee [ kitab istiqbal al-qiblah fi al-solah ] j. 1 h.30 .

<sup>40</sup> al-Dar al-Qutni, Ali bin Omar (2004) Sunan Dar- al-Quthni [ bab fi zikr azan Abi Mahzurah ] j. 1 h. 436 .

<sup>41</sup> Ibn Solah, (1406H) Ulum al-Hadith, h.277.

<sup>42</sup> al-Amidi (2003) Kitab al ihkam fi usul al-ahkam j.4 h. 291

<sup>43</sup> Lihat al-Razi (1997) al- Mahsul Fi Ilmi Usul al-Fiqh j. 5 h. 406 dan al-Syaukani (2000) Irsyad al- Fuhul Ila Tahqiq Al-Haq Min Ilm Al- Usul. h. 1127



sebagai hadith sahih, tetapi para ulama hadith berbeza pula dalam menilai dan menafsir maksud hadith tersebut, sehingga jika dibuat tarjih, natijahnya akan menghasilkan dua tarjih yang berbeza. **Ketiga** : Terdapat ulama seperti imam al-Razi yang berpendapat bahawa apabila berlaku percanggahan nas, maka penyelesaiannya adalah dengan memilih antara dua nas tersebut bukannya ataupun tawaqquf sahaja, mentarjihkan mana-mana nas, kerana kedua-duanya masih merupakan dalil yang diterima<sup>44</sup>. Mentarjih akan membawa maksud salah satu dari nas tersebut di kesampingkan setelah dinilai sebagai nas yang marjuh.

**Kaedah al-nasakh** pula merupakan kaedah yang sukar kerana mengabaikan sesuatu nas memerlukan pengetahuan yang mendalam dan yakin tentang nas-nas nasikh dan mansukh seperti tarikh kedua-dua nas tersebut, konteks nas dan sebagainya. Ada ulama hadith sendiri yang tersilap membuat penilaian kerana kewujudan makna tersirat yang kadang –kadang tidak ditemui oleh mereka<sup>45</sup>. Justeru, kaedah yang terbaik ialah menggunakan kaedah al-jam'u iaitu menerima kedua-duanya dengan melihat konteks hadith dari sudut faktor di haruskan dan diharamkan menerima imbuhan.

## Kesimpulan

Dalam konteks berkenaan hadith-hadith imbuhan ini, alasan dan faktor keharusan dan larangan menerima imbuhan telah dijelaskan sebelum ini. Namun begitu ia boleh diringkaskan seperti berikut.

Nas-nas yang melarang menerima imbuhan adalah kerana:

1. Situasi murid yang miskin dan hidup melarat sedangkan mereka memerlukan bimbingan. Jika imbuhan diterima dari mereka, dibimbangi ia akan menjadi satu tradisi yang tidak dapat dielak lagi dan ini akan membebankan mereka dan mengakibatkan pembelajaran mereka terhenti.
2. Guru-guru tersebut telah dibayar gaji oleh pihak kerajaan dengan jumlah yang mencukupi untuk keperluan mereka. Mereka telah menerima peruntukan yang sepatutnya dan tidak perlu lagi membebankan murid.
3. Syarak amat menitikberatkan niat dan matlamat dalam menyampaikan ilmu agama kerana ia merupakan sebahagian dari cabang dakwah. Menyampaikan ilmu agama bukanlah seperti profesion lain, tetapi bidang ini mempunyai hubungan langsung dan amat rapat dengan tugas berdakwah menyebarkan agama Allah. Justeru, guru perlu membetulkan niat demi mendapat keredhaan ilLahi. Menerima imbuhan bukanlah sesuatu yang dilarang sebenarnya, tetapi meletakkan soal imbuhan sebagai prioriti tertinggi untuk meneruskan usaha dakwah merupakan pertimbangan yang salah.

---

<sup>44</sup> Al- Qurafi (2004) *Syarh Tanqih al-Fusul Fi Ikhtisar al-Mahsul Fi al- Usul*. h. 329-330 dan al-Asnawi (1343H) *Nihayah al-Soul Syarh Minhaj al-Wusul* j. 3 h 204, dan al-Shaukani (2000) *Irsyad al- Fuhul Ila Tahqiq Al-Haq Min Ilm Al- Usul* h. 272 &273

<sup>45</sup> Lihat Ibn Sholah (1406H) *Ulum al-Hadith* h.277 dan al-Nawawi (1385 H) *al- Taqrib Wa al-Taisir Li Ma'rifah Sunan al-Albashir al-Nazir Fi Usul al-Hadith* .j. 2 h. 189

Nas-nas yang mengharuskan menerima imbuhan pula ialah kerana :

1) **Kedudukan agama.** Masyarakat mesti dididik supaya memandang tinggi kedudukan agama. Hal-hal berkaitan agama tidak boleh dianggap remeh dan dipandang sebelah mata. Jika bidang-bidang lain boleh diberi perhatian dan dititikberatkan. Hal-hal berkaitan agama juga mesti diberi penekanan dan diperuntukkan biaya yang sepatutnya.

2) **Keperluan guru .** Ada juga guru yang daif , miskin dan tidak berkemampuan. Mereka juga perlu dibantu. Jika tiada sokongan dari sudut kewangan, mereka terpaksa berkerja untuk menyara diri dan keluarga. Ini akan menyebabkan usaha penyampaian ilmu-ilmu agama terbantut atau mungkin tidak berkualiti. Tugas dilaksanakan seperti melepaskan batuk ditangga sahaja kerana terpaksa berkejar antara tugas menyara keluarga dan menunaikan tanggungjawab berdakwah.

Para ulama seperti Ibn Abidin (1992) , al-Zaila'ie (1313H) , al-Babarti (1992) dan lain-lain telah membayangkan situasi ini. Mereka menyatakan “ jika imbuhan tidak diberikan, usaha-usaha untuk menyampaikan ilmu berkaitan al-Quran akan terbantut”<sup>46</sup>. Justeru mereka mengharuskan penerimaan imbuhan kerana secara fitrah, manusia memang mempunyai keperluan yang perlu ditunaikan sedangkan masa amat terbatas. Manusia tidak dapat membuat dua kerja dalam satu masa. Kisah Abu Bakar al-Sidek R.A memperlihatkan keperluan ini . Apabila dilantik menjadi khalifah , beliau telah mengambil pakaiannya dan keluar ke pasar untuk berkerja. Ketika dihalang dari berbuat demikian , beliau bertanya “siapa yang akan menyara keluargaku”. Lalu kaum muslimin meminta beliau supaya pulang dan mereka telah memperuntukkan sejumlah wang yang mencukupi untuk beliau dan keluarganya<sup>47</sup>.

3). **Tanggungans Kos,** Ada penceramah yang bertindak sebagai penganjur. Mereka mengurus dan mengelola majlis-majlis ilmu. Pengelolaan ini melibatkan banyak kos seperti kos sewa dewan, kos penginapan urusetia dan peserta, pengangkutan, penyediaan makanan, bayaran suguhati kepada fasilitator, penyediaan dokumen seperti kertas kerja, sijil penyertaan dan sebagainya. Ada juga penceramah yang dijemput menyampaikan kuliah di satu tempat yang jauh yang memerlukan beliau membayar kos perjalanan seperti tiket perjalanan, tol dan sebagainya. Oleh itu imbuhan yang diberikan kepada guru agama atau penceramah agama adalah untuk menampung kos pengurusan tersebut. Kisah dari manaqib Imam Abu Hanifah mempunyai kaitan rapat dengan faktor ini. Guru imam Abu Hanifah iaitu Imam Hamad bin Abu Sulaiman<sup>48</sup> didatangi oleh seorang lelaki yang ingin menukar anaknya kepada guru lain kerana guru pertama merungut bayaran yang diberikan kepadanya terlalu rendah iaitu 30 dirham, Imam Hamad menyatakan bahawa beliau akan menambah bayaran tersebut menjadi seratus dirham <sup>49</sup>. Kesanggupan Imam Hamad menambah bayaran adalah kerana beliau

---

<sup>46</sup> Lihat Ibn ‘Abidin (1992) , *Rad al -Mukhtar a’la Dur al-Mukhtar* j.6 h. 55 dan al- Zaila’ie (1313H) *Tabyin al- Haqaiq Syarh Kanz al-Daqaiq*, j.5 h. 124 dan al-Babarti (1992) *al- I’nayah Sharh al-Hidayah* j. 9 h. 98.

<sup>47</sup> Lihat al –Qurthubi ( 2003) *al-Jame’i Li Ahkam al-Quran* j. 1 h. 335/336

<sup>48</sup> Hamad bin Abu Sulaiman merupakan guru kepada imam Abu Hanifah , beliau merupakan salah seorang ulama terkenal di Kufah , meninggal dunia juga di Kufah pada tahun 120H (737M)

<sup>49</sup> Lihat al-Kardari (1321H) , *Manaqib imam al-A’zam Abi Hanifah* h.87

memahami kos sara hidup pada waktu itu memberi kewajaran kepada guru untuk menuntut bayaran lebih. Guru juga perlu mengeluarkan perbelanjaan dan menanggung pelbagai kos semasa menjalankan tugas samada secara rasmi atau tidak rasmi .

4) **Motivasi kepada guru dan sebagai bantuan sesama muslim.** Ini dapat dilihat dari tindakan Rasulullah S.A.W yang memberi upah kepada Abu Mahzurah apabila beliau selesai azan. Sebahagian para ulama mengaitkan pemberian Rasulullah tersebut sebagai usaha menarik minat dan memberi motivasi kepada beliau untuk bergiat dibidang dakwah, Ini kerana beliau baharu sahaja memeluk Islam ketika itu<sup>50</sup>.

Disamping riwayat yang dinukilkan dari Rasulullah SAW, athar dari para sahabat juga menunjukkan mereka memberi imbuhan kepada penghafaz al-Quran. Ibn Hazm (1352H) dalam ‘al-Muhalla ’’dengan sanad beliau sendiri meriwayatkan bahawa Ammar bin yasir memberi imbuhan kepada golongan yang membaca al- Quran di bulan Ramadhan.

روي عن شعبة " أن عمار بن ياسر- رضي الله عنه- قد أعطى قوماً قرءوا القرآن في  
رمضان<sup>51</sup>

“ Dirwayatkan dari Syu’bah bahawa Ammar bin Yasir memberi imbuhan tertentu kepada golongan yang membaca Al Quran di bulan Ramadhan.

Dalam riwayat yang lain, Saad bin Waqqas bahkan menjanjikan wang sebanyak 2000 dirham kepada pembaca al-Quran

روي عن سفيان " أن سعد بن أبي وقاص- رضي الله عنه- قال: من قرأ القرآن ألحقته على  
ألفين<sup>52</sup>

“ Dirwayatkan dari Sufian bahawa Said bin Abi Waqqas R.A berkata : Sesiapa yang dapat membaca Al- Quran aku berikan dua ribu dirham”

Imam Abu Hanifah juga memberi sumbangan kepada guru yang mengajar anaknya Hamad<sup>53</sup> sehingga dapat membaca al-Fatihah dengan baik sebanyak 500 dirham sebagai satu motivasi<sup>54</sup> .

5) **Keperluan meraikan penyumbang.** Dari sudut yang lain, meraikan dan menyantuni penyumbang yang berusaha memberi bantuan juga penting. Hubungan antara penyumbang dan penerima juga perlu dijaga. Jika pemberian tersebut tidak menimbulkan sebarang isu seperti penyumbang bukanlah orang miskin sehingga sumbangan itu menjadi bebanan kepada dirinya, sumbangan tersebut tidak menggunakan atau mengambil hak pihak-pihak lain seperti hak anak-anak yatim, orang-orang miskin dan sebagainya, penerima sumbangan pula ada

<sup>50</sup> Lihat al-Itiyubi ( 1996) *Zakhirah al- 'Uqba Fi Syarh al-Mujtaba ( Syarah Sunan al-Nasai)* juz 8, h.13 dan al-Sayuthi (1994) *Sunan al-Nasai Bi Syarh al-Sayuthi* j. 2, h.6 .

<sup>51</sup> Lihat Ibn Hazm (1352H) *al-Muhalla fi Syarh al-Mujalla bi al-Hujaj Wa al-Athar*, j. 8 h. 194-195.

<sup>52</sup> Ibid

<sup>53</sup> Imam Abu Hanifah menamakan anaknya dengan nama Hamad sempena dengan nama guru yang sangat dikagumi oleh beliau iaitu Hamad bin Abu Sulaiman.

<sup>54</sup> Lihat al-Kardari (1321H) , *Manaqib imam al-A'zam Abi Hanifah* h.257

keperluan untuk membayar kos yang dikeluarkannya seperti kos perjalanan dan sebagainya, Maka tidak salah mengambilnya. Isu ini perlu dilihat dari sudut “ ihsan kepada guru agama” dan hasrat penyumbang perlu diraikan. Justeru bukan menjadi kesalahan untuk mengambil sumbangan tersebut. Situasi seperti ini pernah berlaku kepada Saidina Umar apabila beliau sering menolak pemberian yang diberikan oleh Rasulullah SAW , Baginda sering memberikan sesuatu kepada Saidina Umar apabila harta fai’ dan sebagainya dibawa ke Madinah. Mengikut imam al-Qurthubi<sup>55</sup> berdasarkan riwayat hadith al-Bukhari dan Muslim, pemberian dan penolakan tersebut berlaku banyak kali sehingga Baginda menasihati Umar dengan sabda Baginda :

مَا أَتَاكَ اللَّهُ مِنْ هَذَا الْمَالِ مِنْ غَيْرِ مَسْأَلَةٍ وَلَا إِشْرَافٍ فَخُذْهُ<sup>56</sup>

Terjemahan : “ *Apa sahaja yang dikurniakan oleh Allah kepada kamu dari harta ini tanpa kamu meminta-minta ataupun mengharap-harap dalam hati kamu , maka terimalah*” .

Hadith ini jelas menunjukkan bahawa Rasulullah menggesa supaya hadiah yang diberikan diterima sahaja, kerana pemberian tersebut bukanlah atas permintaan atau desakan penerima sumbangan sebaliknya diberi dengan kerelaan penyumbang. Mengikut Syeikh A’thiah Salim, harta yang dimaksudkan di dalam hadith di atas bukanlah harta zakat sahaja, bahkan bermaksud sebarang harta yang diberikan secara umum<sup>57</sup> .

7) **Urusan niat merupakan hubungan antara individu dengan Allah**, tiada siapa yang dapat mengetahuinya, hadith-hadith yang diriwayatkan menunjukkan bahawa perkara tersebut diserahkan sahaja kepada Allah SWT. Tidak semua matlamat yang bersifat duniawi bercanggah dengan matlamat utama iaitu keikhlasan dalam melakukan ibadah kepada Allah SWT. Rasulullah SAW pernah memberi semangat kepada para pejuang di medan perang dengan sabda baginda :

مَنْ قَتَلَ قَتِيلًا فَلَهُ سَابُؤُهُ<sup>58</sup>

Bermaksud : ‘*Sesiapa yang membunuh musuh , maka baginya ‘salab’ (yakni harta yang terdapat pada musuh tersebut)*’.

Dari pandangan zahir, keinginan untuk mendapatkan harta yang ada pada musuh adalah bercanggah dengan matlamat utama iaitu ganjaran di hari akhirat, namun hakikatnya matlamat ini tidak memberi kesan terhadap matlamat utama dengan beberapa syarat . Syarat

<sup>55</sup> Lihat al Qurthubi (2003), *al-Jame'i Li Ahkam al-Quran* – tafsiran ayat 273 surah al-Baqarah

<sup>56</sup> Lihat al- Bukhari ( 1998) *Sahih al- Bukhārī*. [ Kitab al- Zakat no.hadith 1473 ] h. 359 dan Muslim (1998), *Sahih Muslim* [Bab Ibadah al –Akhzi Li Man U’thia Min Ghairi Masalah Wa La Isyraf, no. hadith 1045] h. 519 , dan al- Nasā’i (1988), *Sunan al-Nasai*. No. hadith 2605, j. 5 h. 103.

<sup>57</sup> Lihat Syeikh ‘Atiah Mohd Salim (t.t) *Syarah Bulugh al - Muram* , juz 141( kuliah ke 141) h.11, Syeikh ‘Atiah merupakan pensyarah di Universiti Islam Madinah , kuliah –kuliah beliau telah dirakam , ditranskrip dari bentuk audio dan dibukukan . Beliau meninggal dunia pada 1999 di Madinah dan dimakamkan di perkuburan al-Baqi’. Boleh diperolehi di laman web : <http://www.islamweb.net> .

<sup>58</sup> Lihat Malik (1998) *al- Muwatta’* [bab I’ta al salab min al -qatil, no. hadith 942] j. 1, h.423 dan al- Tirmidhi (1996) *al- Jami’e al-Kabir ( Sunan al-Tirmidhi)*, [ Kitab al-Sair ( كتاب السير ) bab fi man qatala qatilan falahu salabuh ] j.3 h.221 , dan Abu Daud (t.t) *Sunan Abi Dāwūd Tahqīq : Muhammad Muhyī al Dīn ‘Abd al Hamīd* j.3 h.70 .

tersebut adalah sejauh mana dorongan untuk berjihad meninggikan kalimah Allah S.W.T. Jika dalam hati seorang pejuang telah bertekad bahawa matlamat utamanya hanyalah kerana Allah, soal memperoleh harta rampasan atau tidak adalah soal kedua, tidak akan memberi kesan terhadap matlamat utamanya.

Berniaga dalam musim haji juga mempunyai unsur- unsur matlamat selain dari matlamat utama iaitu beribadat kepada Allah SWT. Ini kerana dalam berniaga , apa yang diharapkan oleh peniaga adalah keuntungan yang bersifat duniawi .Namun berdasarkan nas dari Al-Quran, Allah SWT menjelaskan bahawa berniaga di musim haji bukanlah satu kesalahan. Ini dapat dilihat dari firman Allah dalam surah al-Baqarah ayat 198. Menurut Imam Ghazali (1998), Para ulama sepakat memfatwakan bahawa harus berniaga dalam musim haji dan sesiapa yang keluar menunaikan haji bersama barang dagangan, hajinya adalah sah walaupun dalam menguruskan perniagaan tersebut terkandung kepentingan diri yang bersifat peribadi<sup>59</sup>. Matlamat utama menunaikan haji tidak dianggap bercampur dengan matlamat lain dan tidak menafikan sifat ikhlas yang perlu ada pada seseorang yang menunaikan ibadah<sup>60</sup>.

Oleh itu dalam konteks penceramah yang menyampaikan ceramah agama kepada masyarakat dan menerima upah tidak semestinya bermaksud penceramah tidak ikhlas sebaliknya jika berdasarkan justifikasi yang relevan dan kukuh, tindakan menerima upah boleh dikategorikan dalam dua contoh ini.

---

<sup>59</sup> Al Ghazali ( 1998) *Ihya' ulumuddin* j.4 h.373.

<sup>60</sup> Lihat Ibn Arabi (t.t ) *Ahkam al-Quran* j.1 h.36 dan al-Qurthubi (2003) *al-Jame'i Li Ahkam al-Quran* j.2 h.413

## Bibliografi

- Abū Dāwūd , Sulayman bin al-Ash'a al-Sijistānī al-Urdī ( t.t), *Sunan Abi Dāwūd Tahqīq : Muhammad Muhyī al Dīn 'Abd al Hamīd* . Beirut : Maktabah al-'A'sriyyah.
- Adil Shahin Mohammad (2004) *Akhz al-Mal a'la a'mal al-Qurab* Riyadh , Kunuz Eshbelia Li al-Nasyr Wa al- Tawzi'.
- Ahmad Syakir (2005), *Umdah Tafsir 'an al Hafiz Ibn Kathir*. Mansoura : Dar al –Wafa Li al-Nasyr Wa al- Tawzi'.
- 'Aini , Badruddin Abu Muhammad Mahmud bin Ahmad al- (2001), *Umdah al-Qari-Syarh Sahih Bukhari*. Beirut : Dar Kutub al-Ilmiah
- Albani, Mohammad Nasiruddin. (t.t), *Silsilah al - Sahihah*. Riyadh: Maktabah al-Maarif Li al-Nasyr Wa al -Tawzi'.
- \_\_\_\_\_ (1985), *Irwa' al-Ghalil Fi Takhrij Ahadith Manar al-Sabil* Beirut: Maktab al-Islami.
- \_\_\_\_\_ (1998), *Sahih Sunan al-Nasai* . Riyadh : Maktabah al- Maarif li al-Nasyr Wa al -Tawzi'.
- Amidi, Saif al-Din Abu Hassan Ali bin Abu Ali bin Mohammad al- (2003), *Kitab al- Ihkam Fi Usul al-Ahkam*. Riyadh: Dar al-Shami'i li al-Nasyr Wa al -Tawzi'.
- Asnawi , Abdul Rahim bin Hassan bin Ali bin Ibrahim al- (1343 H), *Nihayah al-Soul Syarh Minhaj al-Wusul*. Kaherah: Matbaah Muhammad Ali al-Sabih.
- 'Asqalāni, al- Imām al- Hāfiz Ahmad bin 'Ali bin Hajar al- (2000), *Fath al- Bārī Sharh Sahīh al-Bukhārī* . Riyadh, Dar al- Salam .
- \_\_\_\_\_ ( t.t ) *Taqrib al-Tahzib*. Riyadh : Dar al-A'simah Li al-Nasyr Wa al - Tawzi'.
- Babarti, Mohamad bin Mohamad bin Mahmud al- (1992), *al- I'nayah Sharh al-Hidayah* Beirut : Dar al-Fikr
- Bukhārī, Abu 'Abdullah Muhammad bin Ismāīl bin Ibrāhīm bin al-Mughīrah al- (1998) , *Sahīh al- Bukhārī*. Riyadh : Dār al-Salām.
- Dar al-Qutni , Ali bin Omar al- (2004), *Sunan Dar- al-Quthni*. Beirut : Muassasah al-Risalah.
- Ghazali , Muḥammad bin Muḥammad bin Muḥammad bin Aḥmad al -( 1998), *Ihya' Ulumuddin* . Semarang : Percetakan dan Penerbitan Karya Toha Putra

- Ibn Abidin , Muhammad Amin bin Umar bin Abd Aziz (1992), *Rad al -Mukhtar a'la Dur al-Mukhtar* . Beirut: Dar al-Fikr
- Ibn Arabi , Abu Bakar Muḥammad b. ‘Abdullāh ( t.t ), *Ahkam al-Quran* Beirut : Dar kutub al-Ilmiah
- Ibn Mājah, Abu Abdullah Muhammad bin Yazīd al- Qazwīnī (1998), *Sunan Ibn Majāh*, Ta’līq : imām al- Busayrī, Tahqīq : al-Shaykh Khalīl Ma’mun Shīhāa, Beirut : Dār al-Hadīth.
- Ibn Mansur, Said. (1993), *Sunan Said\_ibn Mansur*, Riyadh : Dar al-Shami'i.
- Ibn Manzur, Abū al-Fadhl Muhammad bin Mukarram bin `Alī (1330H), *Lisan al- Arab* Kaherah : Dar al-Maarif.
- Ibn Hazm, Abu Muhammad Ali bin Ahmad bin Said bin Hazm (1352H), *al-Muhalla fi Syarh al-Mujalla bi al-Hujaj Wa al-Athar*. Kaherah : Idarah al-Thiba’ah al-Muniriah.
- Ibn Solah, Uthman ibn Abdul Rahman (1406H), *Ulum al-Hadith* . Damsyik : Dar al- Fikr .
- Ityubi , Muhammad bin Ali al- (1996), *Zakhirah al-‘Uqba Fi Syarh al-Mujtaba ( Syarah Sunan al-Nasai)*. Riyadh : Dar al-Mi’raj al –Dauliyah li al-Nasyr wa al- Tauzi’
- Kamus Dewan Edisi Keempat (2010), Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka
- Kardari, Muhammad bin Muhammad bin Syihab al- (1321H), *Manaqib imam al-A’zam Abi Hanifah* . Haidarabad (India): Percetakan Dairah al-Maarif al-Nizamiah ,
- Malik , Abu Abdullah Malik bin Anas bin Malik bin Abi Amir,( 1998 ), *Al-Muwatta (Riwayat Abu Mus’ab al-Zuhri)* Beirut : Muassasah al-Risalah
- Maqdisi , Abu Muhammad Abdullah bin Ahmad bin Muhammad Ibn Qudamah al- (1968), *al-Mughni* Kaherah : Maktabah al-Qaherah
- Manawi , Abd al-Ra`uf Muhammad al- (1972), *Faidh al- Qadir Syarh al-Jami' al-Saghir* Beirut : Dar al-Ma'rifah li al-Thiba'ah Wa al-Nasyr.
- Mubarakfuri, Abu al- Hasan Ubaidullah bin Muhammad Abdul Salam al-(1414 H), *Mir’at al –Mafatih Fi Syarh Misykat al- Masabih*. Varanasi (India) : al- Jami’ah al-Salafiah
- Muslim, Imam Abu Husayn Muslim Ibn al-Hajjaj bin Muslim al-Qushayri al-Naisaburi. (1998), *Sahih Muslim* . Riyadh : Dar al-Salam
- Nawawi, Abu Zakariyyā Mahy al-Dīn b. Syaraf al- (1991), *Raudhah al-Tholibin Wa Umdah al-Muftin*. Beirut : Maktabah al -Islami.

- \_\_\_\_\_ (1385H), *–al Taqrib Wa al-Taisir Li Ma’rifah Sunan al-Bashir al-Nazir Fi Usul al-Hadith* Kaherah : Dar al-Kutub al- Hadithah
- Nasā’i, Abi ‘Abd al- Rahmān Ahmad bin Syu’āyb bin ‘Ali Ibn Sinan al- (1988), *Sunan al-Nasai*. Riyadh : Maktabah al-Maarif li al-Nasyr wa al- Tauzi’
- Qari, Abu al-Hassan Nuruddin Ali bin Mohammad al-(2002), *Mirqat al-Mafatih Syarh Misykat al-Masabih*. Beirut : Dar al-Fikr
- Qurafi, Abu al-Abbas Ahmad bin Idris al- ( 2004), *Syarh Tanqih al-Fusul Fi Ikhtisar al-Mahsul Fi al- Usul*. Beirut : Dar al-Fikr.
- Qurthubi, Mohammad bin Ahmad al- (2003), *al-Jame’i Li Ahkam al-Quran*. Riyadh : Dar al-Alam al-Kutub li al-Nasyr wa al- Tauzi’.
- Ramli , Muhammad bin Ahmad bin Hamzah al- (1984), *Nihayah Al-Muhtaj Ila Syarh Al-Minhaj*. Beirut: Dar al-Fikr
- Razi , Abu Hatim Muhammad bin Idris bin al-Mundhir al- (1271H), *al-Jurh wa al-Ta’dil*. Beirut : Dar ihya’ Turath al-Arabi ,
- Razi , Fakhruddin Abu Abdullah Mohamad bin Umar al- (1997), *al- Mahsul Fi Ilmi Usul al-Fiqh* . Beirut, Muassah al-Risalah.
- San’aani, Muhammad bin Ismail bin Solah al – (1995), *Subul al- Salam Syarh Bulugh al Muram*. Riyadh : Maktabah Nizar Mustaffa al-Baz
- Sayuthi , Abū al-Faḍl Abd al-Rahmān bin Abu Bakr bin Muḥammad Jalāl al-Dīn al- (1994), *Sunan al-Nasai Bi Syarh al-Sayuthi*. Beirut : Dar Basyair al-Islamiah,
- Shaibānī, Abū ‘Abd Allāh Ahmad bin Muḥammad bin Ḥanbal al- (1998), *Musnad Ahmad bin Hanbal*. Riyadh : Bait al-Afkar al-Dauliah li al-Nasyr Wa al- Tawzi’
- Sindi , Abu al-Hassan Mohammad bin Abd al-Hadi al- (1996) *Syarh Sunan Ibn Majah*, Beirut : Dar al-Ma’rifah
- Syaukani, Mohamad bin Ali bin Mohamad al- (2005), *Nail al Authar Min Asrar Muntaqa al-Akhbar*. Riyadh : Dar Ibn al-Qayyim li al-Nasyr wa al- Tauzi’
- \_\_\_\_\_ (2000), *Irsyad al- Fuhul Ila Tahqiq Al-Haq Min Ilm Al- Usul*. Riyadh : Dar al-Fadhilah li al-nasyr wa al-Tauzi’.
- Syafiee, Muhammad bin Idris al- (1400H), *Musnad al-Syafiee*. Beirut : Dar kutub al-Ilmiah
- Tirmidhī, Abu ‘Isā Muhammad bin ‘Isā bin Surah al-(1996) *al- Jami’e al-Kabir ( Sunan al-Tirmidhī,)* Tahqīq : Dr Basyar Awwad Ma’rof , Beirut : Dār al- Gharb al-Islami.



Thahawi, Abu Ja'far Ahmad bin Muhammad bin Salamah al- (1994), *Syarh al –Ma'ani al-Athar*. Riyadh : Dar Alam al-Kutub li al-Nasyr wa al- Tauzi'

Thobrani, Abu al-Qosim Sulaiman bin Ahmad bin Ayyub bin Muthoir al- (1995), *Mukjam al-Ausat*. Kaherah : Dar al Haramain

Zahabi, Shamsuddin Muhammad bin Ahmad bin Usman al- (1995), *Mizan al I'tidal Fi Naqdi al-Rijal* . Beirut : Dar Kutub al-Ilmiah.

Zaila'ie, Uthman bin Ali bin Mihjan al – (1313 H), *Tabyin al- Haqaiq Syarh Kanz al-Daqaiq* .Kaherah : Maktabah al- Kubra al-Amiriah

<http://www.islamweb.net>